JOBNAME: No Job Name PAGE: 1 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

Rasidi bin Ahmad lwn Ketua Polis Daerah Barat Daya Balik Pulau, Pulau Pinang dan lain-lain

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — GUAMAN SIVIL NO 21–9 TAHUN 1999
SU GEOK YIAM H
22 DECEMBER 2009

Penjawat Awam — Pembuangan — Pembuangan pegawai polis — Sama ada pembuangan berdasarkan acara kamar tatatertib tidak sah dari segi undang-undang dan tidak berkesan — Sama ada pegawai pengadil gagal mengambilkira perkara-perkara yang relevan — Sama ada pegawai pengadil telah melanggar s 3(2) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970 — Sama ada hukuman yang dikenakan tidak sah

Undang-undang Pentadbiran — Pembuangan kerja — Pembuangan daripada pasukan polis, sama ada salah — Kegagalan mengisytiharkan harta — Sama ada keputusan acara kamar tatatertib munasabah — Sama ada tindakan tatatertib bertentangan dengan keterangan saksi pendakwaan — Sama ada membentuk kesalahan prosedur

Plaintif, seorang anggota polis yang berpangkat lans koperal, melalui satu writ saman dan pernyataan tuntutan pindaan memfailkan satu tindakan sivil terhadap defendan-defendan bagi mencabar acara kamar tatatertib dan hukuman buang kerja yang dikenakan ke atasnya dan mendakwa bahawa kedua-duanya tidak sah. Plaintif menuntut, antara lain: (i) satu perisytiharan bahawa pembuangan dan penamatan kerja plaintif daripada pasukan Polis DiRaja Malaysia berdasarkan acara kamar tatatertib adalah tidak sah dari segi undang-undang dan tidak berkesan dan plaintiff adalah dengan ini masih lagi seorang anggota lans koperal dan berhak ke atas kesemua gajinya dan segala faedah-faedah lain yang layak diterima oleh seorang anggota polis berpangkat lans koperal; dan (ii) satu inkuiri untuk menentukan gaji berpendapatan istimewa yang berhubung dengan jawatan (*emoluments*) dan faedah-faedah lain yang layak diterima oleh plaintif. Empat pertuduhan dikenakan terhadap plaintif. Walau bagaimanapun di akhir kes pendakwaan plaintif didapati tidak bersalah dan dibebaskan atas pertuduhan kedua dan ketiga, tetapi dipanggil membela diri terhadap pertuduhan pertama dan keempat. Plaintif kemudian didapati bersalah atas pertuduhan pertama dan keempat dan masing-masing dikenakan hukuman celaan keras dan buang kerja. Plaintif memulakan tindakan terhadap defendan-defendan hanya terhadap hukuman buang kerja yang telah dikenakan ke atas plaintif bagi pertuduhan keempat, di mana

JOBNAME: No Job Name PAGE: 2 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

plaintif dituduh gagal mengisytiharkan harta iaitu sebuah kereta Honda Civic yang didaftarkan di atas nama isterinya sebagaimana kehendak arahan KPN. Plaintif membangkitkan isu-isu, antara lain: (i) sama ada hukuman yang dijatuhkan oleh pegawai pengadil itu adalah satu yang tidak rasional serta tidak seimbang berbanding dengan kesalahan tersebut; (ii) sama ada terdapat perlanggaran kaedah-kaedah hak asasi keadilan dalam proses mencapai keputusan apabila pegawai pengadil tidak memberi sebab-sebab atau alasan-alasan semasa membuat keputusan untuk membuang kerja plaintif; (iii) sama ada pegawai pengadil telah menumpukan mindanya kepada keterangan di hadapannya sebelum membuat keputusan tersebut; (iv) sama ada pegawai pengadil telah gagal mengambil kira perkara-perkara yang relevan; dan (v) sama ada pegawai pengadil telah melanggar s 3(2) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-pegawai Rendah Polis dan Mata-mata) 1970 ('Peraturan tersebut'). Satu lagi isu yang dibangkitkan oleh plaintif adalah sama ada pegawai pengadil telah salah arah dirinya sendiri apabila beliau gagal mempertimbangkan atau memberi efek kepada keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi.

Diputuskan, membenarkan tuntutan plaintif dengan kos:

(1) Keterangan saksi-saksi pendakwaan sendiri dengan jelasnya tidak menyokong pertuduhan keempat tersebut. Daripada keterangan ketua balai polis di mana plaintif bekerja, adalah jelas bahawa tindakan tatatertib tidak akan diambil terhadap seseorang yang memiliki kenderaan jika permohonan untuk mendapatkan kebenaran telah dihantar, walaupun tidak ada kelulusan diberikan. Di atas fakta, plaintif telah membuat permohonan untuk kebenaran pada 24 November 1995 manakala tindakan tatatertib diambil melalui surat yang bertarikh 5 Jun 1996. Oleh itu tindakan tatatertib yang diambil ke atas plaintif jelas bertentangan dengan keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwa sendiri (lihat perenggan 23, 29 & 31).

(2) Mahkamah berpendapat bahawa pegawai pengadil tidak menumpukan fikirannya kepada keseluruhan fakta kes terhadap plaintif dan keterangan-keterangan yang dikemukakan di hadapannya sebelum membuat keputusannya bagi pertuduhan ketiga dan pertuduhan keempat. Oleh itu keputusan yang dibuat olehnya untuk membuang kerja plaintif atas pertuduhan keempat adalah dengan jelasnya suatu keputusan yang arbitrari dan jahat (lihat perenggan 32).

(3) Selanjutnya, keterangan saksi-saksi pendakwaan juga menunjukkan bahawa pertuduhan ketiga dan keempat adalah saling berkait. Pertuduhan keempat yang dikenakan terhadap plaintif menyatakan plaintif telah melanggar kehendak arahan KPN dalam KPN (PR) 5 bertarikh 7 Januari 1992 sedangkan pihak defendan sendiri gagal mengemukakan apakah kehendak arahan KPN tersebut semasa acara

JOBNAME: No Job Name PAGE: 3 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

kamar tatatertib. Justeru plaintif tidak melanggar peraturan 2(7) Peraturan tersebut dan dengan itu keputusan pegawai pengadil adalah suatu keputusan yang tidak munasabah sama sekali (lihat perenggan 34, 37 & 39).

(4) Proviso kepada peraturan 3(2) Peraturan tersebut memperuntukkan bahawa jika lebih daripada satu kesalahan dilakukan dalam transaksi yang sama, pertuduhan hendaklah dirangka bagi kesalahan yang lebih serius. Oleh itu pegawai pengadil telah melanggar peraturan 3(2) Peraturan tersebut apabila sebagai pegawai pengadil beliau sepatutnya memilih di antara pertuduhan ketiga dan keempat yang mana satu lebih serius kerana ianya dari satu kejadian atau transaksi yang sama iaitu terbit daripada penggunaan kereta tersebut. Kegagalan menepati peraturan 3(2) menunjukkan dia telah terkhilaf dari segi undang-undang (lihat perenggan 43 & 45).

(5) Di dalam kes ini perbuatan plaintif tidak mengisytiharkan kereta itu adalah tidak menyebabkan kerosakan atau menjatuhkan nama baik PDRM kerana ia lebih bersifat administratif selain tindakannya bukanlah dibuat secara sengaja kerana amalan di Balai Polis Bayan Lepas ialah kelulusan diberi dahulu baru anggota atau pegawai berkenaan dikehendaki mengisytihar harta berkenaan. *R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 MLJ 145; [1997] 1 AMR 433 dirujuk. *Ekambaram a/l Savarimuthu v Ketua Polis Daerah Melaka Tengah & Ors* [1997] 2 MLJ 454 dirujuk (lihat perenggan 67).

(6) Memandangkan peraturan polis itu sendiri mempunyai hukuman selain daripada hukuman buang kerja yang boleh dikenakan maka dari fakta dan keadaan dalam kes ini adalah tidak rasional untuk pegawai pengadil menjatuhkan hukuman buang kerja bagi suatu kesalahan yang lebih bersifat administratif. Oleh itu pembuangan dan penamatan kerja plaintif daripada PDRM adalah tidak sah dari segi undang-undang dan tidak berkesan dan plaintif adalah masih seorang anggota lans koperal dan berhak ke atas kesemua gajinya dan segala faedah-faedah yang lain yang layak diterima oleh seorang anggota polis berpangkat lans koperal (lihat perenggan 68–73).

[English summary

Plaintiff, a lans corporal, by a writ of summons and amended statement of claim filed a civil action against the defendants to challenge the disciplinary proceedings and the sentence of dismissal imposed on him and alleged that both were unlawful. The plaintiff claimed, inter alia: (i) a declaration that the dismissal and termination of the plaintiff's services from the Royal Malaysian police force based on the disciplinary proceeding was unlawful and not effective and the plaintiff was therefore still a lans corporal and was entitled to all the salary and the other benefits which a police officer with the status of lans

JOBNAME: No Job Name PAGE: 4 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

corporal is entitled to; and (ii) an enquiry to determine the emoluments and other benefits that the plaintiff was entitled to. Four charges were imposed against the plaintiff. However, at the end of the prosecution's case, the plaintiff was found not guilty and had been discharged on the second and third charges, but was called to enter his defence against the first and fourth charges. The plaintiff was subsequently found guilty on the first and fourth charges and was sentenced to severe warning and dismissal, respectively. The plaintiff commenced the action against the defendants, only on the sentence of dismissal imposed on him for the fourth charge, where the plaintiff was accused of filing to declare his property ie a Honda Civic car which was registered under his wife's name as per the requirement of the IGP's order. The plaintiff raised the issues, inter alia: (i) whether the sentence meted by the presiding officer was one which was irrational and not balanced compared with the offence; (ii) whether there was breach of the rules of natural justice in the process of making the decision when the presiding officer failed to give the reason or grounds when he made the decision to dismiss the plaintiff; (iii) whether the presiding officer had directed his mind to the evidence before him before making the decision; (iv) whether the presiding officer had failed to take into account the relevant matters; and (v) whether the presiding officer had breached reg 3(2) of the Police (Conduct and Discipline) (Junior Police Officer and Constables) Regulations 1970 ('the Regulations'). Another issue that was raised by the plaintif was whether the presiding officer had misdirected himself when he had failed to consider or give effect to the evidence presented by the witnesses.

Held, allowing the plaintiff's claim with costs:

(1) The testimonies of the prosecution witnesses' themselves clearly did not support the fourth charge. From the testimony of the head of the police station where the plaintiff worked, it was clear that a disciplinary action will not be taken against a person possessing vehicle if the application for approval had been submitted, although approval was yet to be given. On the facts, the plaintiff had submitted an application for approval on 24 November 1995 whereas the disciplinary action was taken by a letter dated 5 June 1996. Thus, the disciplinary action taken against the plaintiff clearly contravened the evidence adduced by the prosecution witnesses' themselves (see paras 23, 29 & 31).

(2) The court was of the view that the presiding officer did not direct his mind to the overall fact of the case against the plaintiff and the evidence presented before him before coming to the decision for the third and fourth charges. Therefore the decision made by him to dismiss the plaintiff on the fourth charge was clearly arbirtraty and mala fide (see para 32).

(3) Further, the prosecution witnesses' testimony also showed that the third and fourth charges were inter connected. The fourth charge against the

JOBNAME: No Job Name PAGE: 5 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

plaintiff stated that the paintiff had breached the requirement of the IGP's order in KPN(PR) 5 dated 7 January 1992 whereas the defendants themselves had failed to state what was the requirements of the IGP's order during the disciplinary proceedings. Hence, the plaintiff did not breach reg 7 of the Regulations and therefore the decision of the presiding officer was totally unreasonable (see paras 34, 37 & 39).

(4) The proviso to reg 3(2) of the Regulations provided that if more than one offence is committed in the course of the same transaction, the charge shall be framed in respect of the most serious offence. Therefore the presiding officer had breached reg 3(2) of the Regulations when he, as a presiding officer, should have chosen between the third and fourth charges, which one was most serious as it was in the course of an event or same transaction ie it arose from the usage of the car. The failure to comply with reg 3(2) showed that he had erred in law (see paras 43 & 45).

(5) In this case the plaintiff's act of not declaring the car did not create untold damage or bring the name of the police force into disrepute as it was more administrative in nature apart from the fact that his action was not done intentionally as it was the practice of the Bayan Lepas Police Station that the approval had to be given before the member or officer was required to declare the property. *R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 MLJ 145; [1997] 1 AMR 433 referred, *Ekambaram a/l Savarimuthu v Ketua Polis Daerah Melaka Tengah & Ors* [1997] 2 MLJ 454 referred (see para 67).

(6) In view that the police regulations itself had provided for punishment other than dismissal, from the facts and circumstances of this case it was not rational for the presiding officer to hand down the punishment of dismissal for an offence which was more administrative in nature. Thus the dismissal and the termination of the plaintiff from the police force was not lawful and of no effect and the plaintiff was still a lans corporal and was entitled to all his salaries and all other benefits that he was entitled to as a member of the police force holding the position of lans corporal (see paras 68–73).]

Nota-nota

Untuk kes mengenai pembuangan daripada pasukan polis, sama ada salah, lihat 1 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 6.

Untuk kes-kes mengenai penjawat awam secara amnya, lihat 10 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2008 Reissue) perenggan 1687–1809.

Kes-kes yang dirujuk

Ekambaram a/l Savarimuthu v Ketua Polis Daerah Melaka Tengah & Ors [1997] 2 MLJ 454, MT (dirujuk)

JOBNAME: No Job Name PAGE: 6 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

Minister of Human Resources & Ors v National Union of Hotel Bar and Restaurant Workers, Semenanjung Malaysia and another appeal [1997] 3 MLJ 377, MR (dirujuk)

R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 MLJ 145; [1997] 1 AMR 433, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970 Peraturan 2(7), 3(2), (46)

Perlembagaan Persekutuan perkara 135 (1)

Norrizan bt Ahmad (Athimulan & Co) bagi pihak plaintif.

Munahyza bt Mustafa (Peguam Persekutuan, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak defendan-defendan.

Su Geok Yiam H:

[1] Ini adalah satu tindakan sivil yang telah difailkan oleh plaintif melalui satu writ saman, kandungan (1), dan pernyataan tuntutan pindaan bertarikh 14 Januari 2004 yang difailkan pada 21 Januari 2004 terhadap defendan-defendan bagi mencabar satu acara kamar tatatertib dan hukuman buang kerja yang dikenakan ke atasnya dan plaintif mendakwa kedua-dua perkara itu adalah tidak sah dan menuntut daripada defendan-defendan perintah-perintah seperti berikut yang dinyatakan dalam perenggan 22 writ saman terpindanya:

(a) satu pengisytiharaan bahawa pembuangan dan penamatan kerja plaintif daripada pasukan Polis DiRaja Malaysia berdasarkan acara kamar tatatertib adalah tidak sah dari segi undang-undang dan tidak berkesan dan plaintif adalah dengan ini masih lagi seorang anggota lans koperal dan berhak ke atas kesemua gajinya dan segala faedah-faedah lain yang layak diterima oleh seorang anggota polis berpangkat lans koperal;

(b) satu inkuiri untuk menentukan gaji berpendapatan istimewa yang berhubung dengan jawatan (*emoluments*) dan faedah-faedah lain yang layak diterima oleh plaintif;

(c) ganti rugi;

(d) kos;

(e) apa-apa pelepasan dan/atau pemulihan yang diikrarkan wajar oleh mahkamah.

[2] Pada masa yang material plaintif adalah seorang anggota polis di dalam pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang berpangkat lans koperal dan defendan pertama ialah Ketua Polis Daerah Barat Daya yang merupakan ketua jabatan plaintif.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 7 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

[3] Defendan kedua ialah Ketua Polis Negara dan defendan ketiga ialah Kerajaan Malaysia.

[4] Pada 11 Oktober 2004, perbicaraan kes ini bermula dan plaintif memanggil seorang saksi iaitu SP1, plaintif sendiri. Selepas itu kes ini ditangguhkan ke 19 Januari untuk disambung bicara. Pada tarikh itu SP1 menyambung memberi keterangannya sehingga selesai dan peguam plaintif yang bijaksana telah menutup kes plaintif. Seterusnya kes ini telah ditangguhkan ke 14 dan 15 April 2005 untuk disambung bicara. Pada 14 April 2005 saya berasa kurang sihat dan kes telah ditangguhkan ke 1 hingga 2 September 2005 untuk disambung bicara.

[5] Pada 1 September 2005 mahkamah telah menangguhkan kes ke hari yang berikutnya iaitu 2 September 2005 kerana kesuntukan masa. Walau bagaimanapun pada tarikh itu perbicaraan kes tidak berjalan dan kes telah ditangguhkan ke 17 Mei 2006 untuk disambung bicara.

[6] Pada tarikh itu kes defendan-defendan telah bermula dan peguam persekutuan yang bijaksana bagi pihak defendan-defendan juga memanggil seorang saksi iaitu SD1, Dato' Abdul Aziz bin Nawi. Beliau memegang jawatan Ketua Polis Daerah di Ibu Pejabat Polis Daerah, Timur Laut, Pulau Pinang dan berpangkat *Assistant Commissioner of Police* pada masa yang material.

[7] Selepas itu kes ini telah ditangguhkan ke 15 sehingga 17 November 2006 untuk disambung bicara. Pada 15 November 2006, perbicaraan telah diteruskan dan SD1 menyambung memberi keterangannya. Selepas itu kes ini ditangguhkan ke hari yang berikutnya iaitu 16 November untuk disambung bicara.

[8] Pada tarikh itu SD1 menyambung memberi keterangannya sehingga selesai dan peguam persekutuan yang bijaksana telah menutup kes untuk defendan-defendan.

[9] Atas permintaan kedua-dua pihak untuk memasukkan penghujahan bertulis yang dibenarkan oleh mahkamah, kes ini telah ditangguhkan ke 14 Disember 2006 untuk penjelasan/keputusan.

[10] Pada tarikh tersebut mahkamah telah mendengar penjelasan ke atas penghujahan bertulis serta autoriti-autoriti yang telah dirujuk oleh kedua-dua pihak.

[11] Selepas itu kes ini ditangguhkan ke 8 Februari 2007 untuk keputusan.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 8 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

Akan tetapi pada 2 Januari 2007 saya telah diarahkan bertukar ke Mahkamah Tinggi Shah Alam dan tarikh itu telah ditukar ke 25 Oktober 2007.

[12] Pada 25 Oktober 2007, setelah mempertimbangkan semua keterangan yang dikemukakan dan penghujahan yang dibuat serta autoriti-autoriti yang dirujuk oleh Cik Norrizan bt Ahmad, peguambela yang bijaksana bagi pihak plaintif dan Puan Munahyza bt Mustafa, peguam persekutuan yang bijaksana bagi pihak defendan-defendan, mahkamah telah membenarkan tuntutan plaintif dengan kos. Mahkamah telah memberikan kepada plaintif perintah seperti dipohon dalam perenggan 22(a), (b) dan (d), pernyataan tuntutan pindaan plaintif. Mahkamah juga memerintahkan bahawa ganti rugi, yang dipohon dalam perenggan 22(c), pernyataan tuntutan pindaan plaintif, sekiranya ada, hendaklah ditaksirkan oleh penolong kanan pendaftar ('PKP') yang bijaksana ('keputusan tersebut').

[13] Defendan-defendan telah tidak berpuashati dengan keputusan tersebut dan telah memfailkan satu notis rayuan kepada Mahkamah Rayuan.

[14] Berikut ini adalah sebab-sebab mengapa mahkamah telah membuat keputusan tersebut.

FAKTA DAN LATAR BELAKANG

[15] Fakta dan latar belakang kes ini adalah seperti berikut:

(a) Plaintif memasuki PDRM pada tahun 1987. Selepas sembilan tahun berkhidmat dalam PDRM, pada 27 Jun 1996, plaintif telah dihadapkan ke satu acara kamar tatatertib melalui sepucuk surat bertarikh 5 Jun 1996, P1 (1–4), atas empat pertuduhan seperti berikut:

Tuduhan Pertama

> Bahawa anda sebagai L/Kpl di dalam Pasukan Polis DiRaja Malaysia pada ketika itu bertugas di Balai Polis Bayan Lepas, di dalam Daerah Barat Daya, di dalam Kontinjen Pulau Pinang, pada 20.03.96 didapati telah ingkar perintah kerana tidak membuat catitan di dalam buku saku tentang satu serbuan judi di Sungai Ara iaitu berhampiran Tokong di tepi sungai pada 07.03.96 antara jam 0300 hrs hingga 0430 hrs sepertimana kehendak HTKPN A-121 para 2 (1), dengan itu, telah melakukan satu kesalahan tatatertib di bawah Peraturan 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-mata), 1970 PU(A) 86 bertarikh 24.02.70 dan P.U. (A) 56 (Pindaan) yang bertarikh 08.02.04 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama."

JOBNAME: No Job Name PAGE: 9 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

Tuduhan Kedua

Bahawa anda sebagai L/Kpl di dalam Pasukan Polis DiRaja Malaysia pada ketika itu bertugas di Balai Polis Bayan Lepas, di dalam Daerah Barat Daya, di dalam Kontinjen Pulau Pinang, didapati tidak membuat laporan polis ke atas satu serbuan judi di Sungai Ara iaitu berhampiran Tokong di tepi sungai pada 07.03.96 antara jam 0300 hrs hingga 0430 hrs, dengan demikian telah melakukan satu kesalahan tatatertib di bawah Peraturan 3(46) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-mata), 1970 PU(A) 86 bertarikh 24.02.70 dan P.U. (A) 56 (Pindaan) yang bertarikh 08.02.04 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Tuduhan Ketiga

Bahawa anda sebagai L/Kpl di dalam Pasukan Polis DiRaja Malaysia pada ketika itu bertugas di Balai Polis Bayan Lepas, di dalam Daerah Barat Daya, di dalam Kontinjen Pulau Pinang, pada 29.02.93 telah didapati ingkar perintah iaitu menggunakan kereta Honda Civic no pendaftaran PAG 163 yang didaftarkan di atas nama isteri kamu bernama Norhida bt Mat KP: 660608-08-5246 tanpa mendapat kebenaran bertulis Ketua Polis Pulau Pinang seperti kehendak HTKPN A–207 para 111–1 serta arahan KPN dan KPN 5/4 bertarikh 20.10.78 dengan itu anda telah melakukan satu kesalahan tatatertib di bawah Peraturan 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-mata), 1970 P.U. (A) 86 bertarikh 24.02.70 dan P.U. (A) 56 (Pindaan) yang bertarikh 08.02.04 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

Tuduhan Keempat

Bahawa anda sebagai L/Kpl di dalam Pasukan Polis DiRaja Malaysia pada ketika itu bertugas di Balai Polis Bayan Lepas, di dalam Daerah Barat Daya, di dalam Kontinjen Pulau Pinang, pada 01.04.96 telah didapati ingkar perintah kerana masih tidak mengisytiharkan harta iaitu sebuah kereta Honda Civic no pendaftaran PAG 163 yang didaftarkan di atas nama isteri kamu bernama Norhida bt Mat KP: 660608-08-5246 sebagaimana kehendak arahan KPN dalam KPN (PR) 5 bertarikh 07.01.92, dengan yang demikian kamu telah melakukan satu kesalahan tatatertib di bawah Peraturan 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-mata), 1970 P.U. (A) 86 bertarikh 24.02.70 dan P.U. (A) 56 (Pindaan) yang bertarikh 08.02.04 dan boleh dihukum di bawah peraturan yang sama.

(b) Plaintif telah kemudiannya, di akhir kes pendakwaan, didapati tidak bersalah dan dibebaskan atas pertuduhan kedua dan pertuduhan ketiga tetapi dipanggil membela diri terhadap pertuduhan pertama dan pertuduhan keempat. Setelah membela diri, plaintif kemudiannya didapati bersalah atas pertuduhan pertama dan pertuduhan keempat

JOBNAME: No Job Name PAGE: 10 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

dan, masing-masing, dikenakan hukuman celaan keras dan buang kerja.

ISU-ISU YANG DIBANGKITKAN

[16] Lima isu yang terkandung dalam pernyataan isu-isu yang dipersetujui bertarikh 11 Oktober 2004 yang difailkan pada 11 Oktober 2004 adalah seperti berikut:

(a) sama ada hukuman yang dijatuhkan oleh pegawai pengadil itu adalah satu yang tidak rasional serta tidak seimbang berbanding dengan kesalahan tersebut;

(b) sama ada terdapat perlanggaran kaedah-kaedah hak asasi keadilan dalam proses mencapai keputusan apabila pegawai pengadil tidak memberi sebab-sebab atau alasan-alasan semasa membuat keputusan untuk membuang kerja plaintif;

(c) sama ada pegawai pengadil telah menumpukan mindanya kepada keterangan di hadapannya sebelum membuat keputusan tersebut;

(d) sama ada pegawai pengadil telah gagal mengambilkira perkara-perkara yang relevan;

(e) sama ada pegawai pengadil telah melanggar peraturan 3(2) Peraturan-peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata) 1970.

[17] Selain daripada lima isu tersebut juga terdapat satu isu yang plaintif ingin mahkamah ini menentukan.

[18] Isu itu ialah seperti berikut:

(a) Sama ada pegawai pengadil telah salah arah dirinya sendiri apabila beliau gagal mempertimbangkan atau memberi efek kepada keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi?

ACARA KAMAR TATATERTIB

[19] Memandangkan tindakan plaintif terhadap defendan-defendan adalah hanya terhadap hukuman buang kerja yang telah dikenakan ke atas plaintif bagi pertuduhan keempat maka mahkamah ini tidak akan menyentuh tentang pertuduhan pertama, kedua dan ketiga kecuali jikalau adalah perlu untuk berbuat demikian.

[20] Dalam acara kamar tatatertib pendakwa telah memanggil seramai lima orang saksi dan plaintif memberi keterangan bagi pihak dia sendiri dan tidak memanggil saksi-saksi yang lain.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 11 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

[21] Keterangan PE1, Sjn 84842 Omar bin Mohd Noor, Ketua Polis Balai, Bayan Lepas, Barat Daya menunjukkan plaintif ada memiliki sebuah kereta Honda Civic dengan nombor pendaftaran PAC 163 ('kereta tersebut') sejak bulan Februari. Sebabnya ialah PE1, merupakan ketua polis balai. Beliau adalah pegawai atasan plaintif. Beliau dan plaintif tinggal di berek berasingan dalam satu perkampungan yang sama iaitu perkampungan Bayan Indah. Sejak tinggal di sini iaitu sejak bulan Februari, 1995 beliau dapat tahu plaintif memiliki kereta tersebut. Beliau tahu kereta tersebut digunakan oleh plaintif dan juga isteri plaintif yang bekerja kilang. Beliau tidak ada menerima apa-apa permohonan daripada plaintif untuk kebenaran menggunakan kereta tersebut. Walau bagaimanapun DSP Zuhudi, pegawai turus tatatertib ('PTT') ada buat dialog dengan anggota di Balai Bayan Lepas. PE1 dan plaintif juga hadir dalam dialog itu. Nasihat PTT ialah jika sesiapa yang memiliki kenderaan boleh hantar permohonan untuk mendapatkan kebenaran. Jika permohonan dibuat walaupun lewat tindakan tatatertib tidak akan diambil. Pada pandangan PE1, pengisytiharan harta iaitu kereta tersebut hanya perlu dibuat selepas kelulusan diberikan kepada plaintif untuk menggunakan kereta tersebut. Plaintif ada membuat permohonan, DE1 untuk menggunakan kereta tersebut selepas majlis dialog itu. PE1 tahu tentang permohonan plaintif kerana permohonan plaintif dibuat melalui D/Sjn dan kemudiannya dimajukan kepada IPK.

[22] Keterangan PE2, C/Insp Ghazali bin Jaafar menunjukkan kereta tersebut didaftarkan di atas nama isteri plaintif yang bernama Norhida bt Mat sejak 29 September 1993. Keterangan PE2 juga menyokong keterangan PE1 bahawa plaintif ada membuat permohonan untuk menggunakan kereta tersebut. PE2 tahu tentang permohonan plaintif kerana permohonan plaintif dibuat melalui PE2 dan PE2 telah memajukan permohonan plaintif itu kepada Ketua Polis Daerah Barat Daya. Permohonan plaintif masih 'pending'. Menurut keterangan PE1 amalan di Bayan Lepas ialah pengisytiharan harta dibuat selepas kelulusan diberi.

[23] Keterangan PE2 juga menyokong keterangan PE1 bahawa antara perkara-perkara yang dibincangkan dalam dialog antara PTT, kontinjen dengan anggota balai pada awal tahun 1995 ialah permohonan untuk kelulusan menggunakan kenderaan yang lewat boleh diedarkan dan tindakan tatatertib tidak akan diambil ke atas mereka yang membuat permohonan.

[24] Keterangan saksi PE3, DSP Wan Mohamad Wan Abdullah tidak membantu kes pendakwaan terhadap plaintif kerana keterangan PE3 adalah lebih relevan atas isu sama ada pengisytiharan perlu dibuat oleh plaintif sebelum kelulusan diberi sekiranya harta plaintif. Akan tetapi dalam kes ini harta berkenaan iaitu kereta tersebut ialah milik isteri plaintif. PE3 tidak pasti sama ada plaintif perlu isytihar kereta kepunyaan isteri sebelum kelulusan diberi.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 12 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

[25] Di dalam keterangannya plaintif menyatakan seperti berikut:

(a) Plaintif tidak mengisytiharkan kereta tersebut kerana belum mendapat kelulusan dari kontinjen polis tetapi sekiranya mendapat kelulusan dia akan isytiharkan kereta tersebut. Pada awal tahun 1995 plaintif ada hadir dialog dengan PTT. Taklimatnya dapatkan kebenaran dahulu dan kemudian isytiharkan harta.

(b) Plaintif tidak disoal balas oleh pihak pendakwa selepas plaintif memberi keterangannya dalam pemeriksaan utama.

[26] Pembelaan plaintif bahawa kelulusan mesti diperolehi dahulu sebelum pengisytiharan harta dibuat seperti yang dinyatakan di atas adalah disokong oleh keterangan-keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwa sendiri iaitu saksi pendakwa yang pertama, PE1, Sjn Omar bin Mohd Noor, Ketua Polis Balai, Bayan Lepas, Barat Daya, secara amnya di ms 7 *bundle B*:

> Saya tahu kereta PAG 163 digunakan oleh pengingkar. Saya kenal isteri pengingkar. Dia bekerja kilang. Kereta PAG 163 juga digunakan oleh isterinya. Pada awal tahun 1995 Pegawai Turus Tatatertib ada buat dialog dengan anggota di Balai Bayan Lepas. Pegawai ini bernama DSP Zuhudi. Saya hadir dialog ini, pengingkar juga hadir. *Nasihat Pegawai Tatatertib jika sesiapa yang memiliki kenderaan boleh hantar permohonan untuk mendapatkan kebenaran. Jika permohonan dibuat walaupun lewat tindakan tatatertib tidak akan diambil*. Saya tak pasti nilai harga bagi PAG 163, permohonan untuk mendapatkan kebenaran dibuat melalui D/Sjn dan kemudian dimajukan kepada IPK. Ada surat pohon kebenaran diterima. (Surat permohonan dikemukakan dan diterima sebagai (DE1)). Permohonan ini dibuat selepas majlis dialog. Saya tidak tahu keputusan permohonan pengingkar. Saya setuju bahawa pengisytiharan dibuat hanya selepas kelulusan diberikan. (Penekanan diberi).

dan saksi pendakwa yang kedua, PE2, C/Insp Ghazali bin Jaafar, Inspektor Kawasan Bayan Lepas, yang merupakan ketua plaintif di Balai Polis Bayan Lepas ketika itu secara khasnya seperti di ms 8 ikatan B:

> Pengisytiharan harta dibuat selepas kelulusan diberi. Ini amalan di Bayan Lepas. Pada awal tahun 1991 saya sudah menjadi Inspektor Kawasan Bayan Lepas. Saya dimaklumkan bahawa ada dialog antara Pegawai Turus Tatatertib IPK dengan anggota balai pada awal tahun 1995. KPB (Ketua Balai Polis) ada hadir. *KPB ada memaklumkan kepada saya perkara-perkara yang dibincangkan terutamanya tentang permohonan dan tindakan tatatertib tidak akan diambil ke atas mereka yang membuat permohonan.* (Penekanan diberi).

[27] Sebelum itu saksi ini semasa keterangan utama memberi keterangan seperti berikut:

JOBNAME: No Job Name PAGE: 13 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

A *Sepanjang pengetahuan saya anggota ini ada membuat permohonan untuk mengguna kenderaan.* Permohonan dibuat melalui saya dan dimajukan kepada Ketua Polis Daerah Barat Daya, saya mendapati tiada apa-apa kelulusan diberi oleh IPK. *Permohonannya masih 'pending'*. (Penekanan diberi).

B **[28]** Saksi ketiga pendakwa, PE3, DSP Wan Mohamad Wan Abdullah, Timbalan Ketua Polis Daerah, Bayan Lepas pada masa yang material semasa disoal balas oleh peguam pembela juga memberi keterangan seperti berikut:

C Saya tak pasti sama ada pengingkar perlu isytihar kereta kepunyaan isteri sebelum kelulusan diberi.

[29] Berdasarkan keterangan saksi-saksi pendakwa sendiri mahkamah berpendapat bahawa keterangan itu dengan jelasnya tidak menyokong
D pertuduhan keempat itu.

[30] Mahkamah berpendapat bahawa keterangan saksi pendakwa, PE2, dan keterangan plaintif yang dinyatakan di atas dengan jelasnya menunjukkan bahawa plaintif tidak mendapat kelulusan dari Ketua Polis Pulau Pinang untuk
E menggunakan kereta tersebut kerana permohonannya untuk menggunakan kereta tersebut masih 'pending' iaitu masih belum diluluskan. Daripada keterangan saksi pendakwa, PE1, adalah jelas bahawa PTT telah mengadakan dialog dengan anggota-anggota di Balai Polis Bayan Lepas, termasuk plaintif dan PE1 telah menasihatkan mereka bahawa jika sesiapa yang memiliki
F kenderaan boleh hantar permohonan untuk mendapatkan kebenaran. Sebabnya ialah kerana jika permohonan dibuat walaupun lewat tindakan tatatertib tidak akan diambil.

[31] Dialog itu diadakan pada awal tahun 1995 dan sejak bulan Februari
G 1995, saksi pendakwa, PE1, dapat tahu plaintif memiliki kereta tersebut. Akan tetapi DSP Zuhudi tidak dipanggil untuk menyangkal atau menafikan keterangan saksi pendakwa, PE1 dan plaintif telah diambil tindakan tatatertib melalui surat bertarikh 5 Jun 1996 sedangkan plaintif telah membuat permohonan untuk kebenaran sebelum tarikh itu iaitu pada 24 November
H 1995. Oleh itu tindakan tatatertib yang diambil ke atas plaintif itu adalah dengan jelasnya bertentangan dengan keterangan yang diberikan oleh saksi-saksi pendakwa sendiri.

[32] Keterangan saksi pendakwa, PE1, dengan jelasnya menunjukkan bagi
I pertuduhan ketiga plaintif telah menggunakan kereta tersebut tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Polis Pulau Pinang, tetapi pegawai pengadil mendapati bahawa plaintif tidak bersalah di atas pertuduhan ketiga. Oleh itu mahkamah berpendapat bahawa pegawai pengadil tidak menumpukan fikirannya kepada keseluruhan fakta kes terhadap plaintif dan

JOBNAME: No Job Name PAGE: 14 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

keterangan-keterangan yang dikemukakan di hadapannya sepertimana dinyatakan di atas sebelum membuat keputusannya bagi pertuduhan ketiga dan pertuduhan keempat. Oleh itu keputusan yang dibuat olehnya untuk membuang kerja plaintif atas pertuduhan keempat adalah dengan jelasnya suatu keputusan yang arbitrari dan jahat.

[33] Di ms 489, buku '*Administrative Law of Malaysia and Singapore, Edisi Ketiga*, oleh Profesor MP Jain, LLM (Del) JSD (Yale) dan diterbitkan oleh MLJ pada tahun 1997, beliau telah menulis seperti berikut mengenai kegagalan sesuatu pihak berkuasa untuk melaksanakan budi bicara misalannya sesuatu pihak berkuasa yang tidak menumpukan fikirannya kepada fakta-fakta dan keadaan sesuatu kes sebelum membuat sesuatu keputusan dan akibat daripada kegagalan itu sesuatu tindakan yang diambilnya atau sesuatu keputusan yang dibuatnya akan menjadi jahat kerana pihak berkuasa itu tidak menggunakan budi bicaranya:

> When discretion is conferred on an authority it must personally exercise the same, it must apply its own mind to the facts and circumstances of each case and come to its own decision. If the authority acts without applying its mind to the case before it, then the action or decision taken by it will be bad because the authority has not exercised its direction.

[34] Keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwa juga menunjukkan bahawa pertuduhan ketiga dan keempat adalah saling berkait seperti keterangan saksi kedua pendakwa, PE2, C/Insp Ghazali bin Jaafar yang merupakan ketua plaintif kerana plaintif bertugas di Balai Polis Bayan Lepas di bawah jagaan beliau. Dan ketua plaintif sendiri mengakui semasa disoal utama di rekod prosiding, P3(8) seperti berikut:

> Kereta Honda Civic ini didaftarkan di atas nama Norhida bt Mat. Pendaftaran ke atas penama dibuat sejak 29/9/93. Norhida bt Mat adalah isteri kepada Pengingkar. Sepanjang pengetahuan saya anggota ini ada membuat permohonan untuk mengguna kenderaan. Permohonan dibuat melalui saya dan dimajukan kepada Ketua Polis Daerah Barat Daya, saya mendapati tiada apa-apa kelulusan diberi oleh IPK. Permohonannya masih 'pending'. Di peringkat Balai tidak ada fail dibuka untuk menyimpan salinan borang-borang permohonan untuk membeli kenderaan ini.

dan semasa di soal balas bahawa:

> Saya tidak ingat bila permohonan dimajukan. Saya tidak terima apa-apa jawapan ke atas permohonan ini. (DE1) ada ke jawapan dari IPK. (DE1) bertarikh 27/11/95. Mengikut (DE1) permohonan pengingkar dibuat pada 24/11/95. Saya tak tahu berapa lama diperlukan untuk memproses permohonan ini. Permohonan mengikut (DE1) dalam proses. Pengisytiharan harta dibuat selepas kelulusan diberi. Ini amalan di Bayan Lepas. Pada awal tahun 1991 saya sudah menjadi Inspektor Kawasan Bayan Lepas. Saya dimaklumkan bahawa ada dialog antara Pegawai Turus

JOBNAME: No Job Name PAGE: 15 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

A Tatatertib IPK dengan anggota Balai pada awal tahun 1995. KPB ada hadir. KPB ada memaklumkan kepada saya perkara-perkara yang dibincangkan terutamanya tentang permohonan untuk kelulusan menggunakan kenderaan yang lewat boleh diedarkan dan tindakan tatatertib tidak akan diambil ke atas mereka yang membuat permohonan.

B

[35] Justeru plaintif sendiri tidak patut didapati bersalah di bawah pertuduhan keempat kerana ketuanya sendiri mengakui bahawa pengisytiharaan harta hanya perlu dibuat selepas kelulusan untuk mengguna kereta tersebut diperolehi dan ini adalah amalan di Balai Polis Bayan Lepas di mana plaintif bertugas ketika itu.

C

[36] Selain itu keterangan-keterangan saksi-saksi yang dinyatakan di atas sendiri menunjukkan mereka mengaitkan pertuduhan ketiga dan keempat bahawa pengisytiharaan harta hanya perlu dibuat apabila kelulusan menggunakan kereta itu telah diberikan. Sekiranya kelulusan tidak diberikan ianya bererti seperti harta itu tidak boleh digunakan dan justeru itu mereka beranggapan harta tidak perlu diisytiharkan.

D

E

[37] Pertuduhan keempat yang dikenakan terhadap plaintif menyatakan plaintif telah melanggari kehendak arahan KPN dalam KPN(PR)5 bertarikh 7 Januari 1992 sedangkan pihak defendan sendiri gagal mengemukakan apakah kehendak arahan KPN dalam KPN (PR) 5 bertarikh 7 Januari 1992 semasa acara kamar tatatertib.

F

[38] Plaintif juga dikatakan telah melakukan satu kesalahan tatatertib di bawah peraturan 2(7) Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-mata), 1970 di mana peraturan 2(7) dibaca seperti berikut:

G

> willfully disobeys any lawful order or command, whether written or otherwise or without good cause omits or neglects to carry out promptly any such order or command or perform any duty.

H

[39] Peraturan 2(7) di atas sendiri memperuntukkan jika plaintif bersengaja ingkar perintah atau tanpa sebab yang berpatutan tidak menjalankan dengan segera apa-apa perintah atau tugas tetapi di sini bagi pertuduhan keempat pembelaan plaintif ialah bukan plaintif dengan bersengaja tidak mahu mengisytiharkan hartanya tetapi kerana ketuanya sendiri memutuskan pengisytiharan harta dibuat selepas kelulusan diberi dan sekiranya permohonan untuk mendapat kelulusan dibuat walaupun lambat tindakan tatatertib tidak akan diambil. Justeru itu plaintif tidak melanggari peraturan 2(7).

I

JOBNAME: No Job Name PAGE: 16 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

[40] Oleh itu pegawai pengadil sepatutnya mengambilkira perkara-perkara yang relevan sebelum mendapati plaintif gagal berbuat sedemikian dan mendapati plaintif bersalah atas pertuduhan keempat. Maka keputusan pegawai pengadil bahawa plaintif bersalah atas pertuduhan keempat adalah suatu keputusan yang tidak munasabah sama sekali.

[41] Mahkamah bersetuju dan menerima penghujahan peguam persekutuan yang bijaksana bahawa pertuduhan ketiga dan pertuduhan keempat adalah berdasarkan kepada dua kesalahan yang berbeza sekalipun kedua-dua pertuduhan itu berkaitan dengan satu kereta yang sama iaitu kereta tersebut. Ia dapat dihuraikan seperti berikut:

(a) Kesalahan dalam pertuduhan ketiga ialah ingkar perintah kerana menggunakan kereta tersebut tanpa kebenaran bertulis Ketua Polis Pulau Pinang.

(b) Kesalahan dipertuduhan keempat pula ialah ingkar perintah kerana masih tidak mengisytiharkan kereta tersebut.

[42] Oleh itu jelaslah bahawa kesalahan dalam pertuduhan ketiga dan kesalahan dalam pertuduhan keempat adalah merupakan dua kesalahan yang sama sekali berbeza dan berasingan kerana masing-masing adalah berlandaskan fakta-fakta yang berbeza sekalipun ia adalah merujuk kepada kereta tersebut. Maka kedua-dua pertuduhan itu hendaklah disifatkan di sisi undang-undang sebagai dua pertuduhan yang sama sekali berasingan dan setiap satu darinya boleh berdiri dengan sendiri tanpa memerlukan yang lain.

[43] Walau bagaimanapun proviso kepada peraturan 3(2) dalam Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata), 1970 memperuntukkan bahawa jika lebih daripada satu kesalahan dilakukan dalam transaksi yang sama, maka, pertuduhan hendaklah dirangka bagi kesalahan yang lebih serius ('provisio tersebut'). Oleh itu SD1 telah melanggari peraturan 3(2) Peraturan tersebut bila mana sebagai pegawai pengadil beliau sepatutnya memilih di antara pertuduhan ketiga dan keempat yang mana satu lebih serius kerana ianya dari satu kejadian atau transaksi yang sama iaitu terbit dari penggunaan kereta PAG 163.

[44] Peraturan 3(2) Peraturan tersebut menyatakan seperti berikut:

> where there are two or more distinct offences a separate charge shall be framed in respect of each offence and a separate finding shall be made on each charge:
>
> Provided that where more than one offence is committed in the course of the same transaction only one charge shall be framed in respect of the most serious offence disclosed.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 17 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

[45] Kegagalan menepati peraturan 3(2) di atas menunjukkan dia telah terkhilaf dari segi undang-undang.

[46] Dalam kes ini mahkamah berpendapat bahawa berdasarkan arahan yang terkandung dalam surat KPN (PR) 5 Jld (65) yang bertarikh 7 Januari 1992 kesalahan dipertuduhan keempat dipandang lebih serius oleh pihak Urusetia KPN (Tatatertib) di Bukit Aman. Oleh itu proviso tersebut adalah terpakai dan pertuduhan ketiga sepatutnya digugurkan terhadap plaintif.

KETERANGAN PLAINTIF DAN SAKSI DEFENDAN DALAM MAHKAMAH

[47] Dalam perbicaraan di hadapan mahkamah, mahkamah mendapati pendirian plaintif dan keterangan yang dikemukakan oleh plaintif adalah lebih kurang sama dengan pendirian plaintif dan keterangan yang telah diberikan oleh tiga orang saksi pendakwa iaitu PE1, PE2 dan PE3 dan juga plaintif sendiri dalam pembelaannya dalam acara kamar tatatertib berbanding dengan pendirian defendan dan keterangan defendan-defendan yang diberikan melalui SD1 dan kedua-duanya adalah bercanggah dengan pendirian dan keterangan tiga orang saksi pendakwa iaitu PE1, PE2 dan PE3.

[48] SD1 ialah pegawai pengadil dalam acara kamar tatatertib.

[49] Dalam keterangan SD1, SD1 menjelaskan bahawa antara tugas-tugas beliau ialah mengawal ketenteraman awam, menguatkuasakan undang-undang termasuk mengadili acara kamar tatatertib. SD1 juga menjelaskan bahawa kuasa menjalankan acara kamar tatatertib diberikan kepada beliau melalui suratcara perwakilan fungsi-fungsi, kuasa-kuasa, tugas-tugas dan tanggungjawab-tanggungjawab tertentu (PU(B) 621/1986).

[50] Pada masa yang material dalam tahun 1996, peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa pada waktu itu untuk menjalankan acara kamar tatatertib ialah di bawah Peraturan-Peraturan Polis (Kelakuan dan Tatatertib) (Pegawai-Pegawai Rendah Polis dan Mata-Mata), 1970. SD1 melalui keterangannya telah menjelaskan bahawa beliau menggunakan peruntukan-peruntukan di bawah Peraturan-Peraturan yang sama.

[51] Menurut keterangan SD1 yang diberikan semasa disoal utama dalam soalan 69 dan dirakam oleh mahkamah di ms 74, nota-nota keterangan setelah pegawai pembela membuat hujahan SD1 telah meneliti keterangan dan membuat keputusan membebaskan pengingkar daripada pertuduhan kedua, ketiga dan memanggil pengingkar membela diri di atas pertuduhan pertama dan pertuduhan keempat.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 18 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

[52] Di ms 76 nota-nota keterangan dalam soalan 74, SD1 ditanya seperti berikut:

'Baca' Motokar PAG 163 didaftarkan atas nama isteri saya' dan seterusnya. Daripada keterangan bela diri Encik Rasidi sendiri adakah Encik Rasidi sendiri mengakui beliau masih belum membuat pengisytiharan harta kereta PAG 163 milik isterinya?

Jawapan: Ya, benar.

[53] Di ms 77, nota-nota keterangan, dalam soalan 75, SD1 ditanya seperti berikut:

'Rujuk muka surat yang sama. Baca 'Taklimatnya dapatkan kebenaran dahulu' dan seterusnya.

Jawapan: Oleh sebab pengingkar tidak ada saksi-saksi saya terus memanggil pegawai pembela untuk membuat penghujahan pembelaan.

Soalan 78: Rujuk muka surat 13, Bundle B. Setelah pegawai pembela selesai berhujah apakah tindakan Dato'? Meneruskan atau menangguhkan prosiding?

Jawapan: Saya tangguhkan prosiding.

Soalan 79: Ke tarikh bila?

Jawapan: Selama 1 jam.

Soalan 80 Tarikh yang sama?

Jawapan: Ya, tarikh yang sama.

Soalan 81: Selepas penangguhan itu adakah Dato' memanggil semua pihak masuk ke dalam kamar acara tindakan tatatertib?

Jawapan: Benar.

Soalan 82: Rujuk Bundle B, muka surat 13, bahagian atas sekali. Prosiding tamat pada haribulan berapa?

Jawapan: 11.9.96.

Soalan 83: Kemudian presiding ditangguhkan?

Jawapan: Betul.

Soalan 84: Ke berapa haribulan?

Jawapan: Ke 12/9 iaitu hari keesokannya.

Soalan 85: Oleh itu jawapan Dato' semalam bahawa prosiding ditangguhkan untuk 1 jam dan pagi ini kata ditangguhkan ke 12/9. Mana satu yang betul?

Jawapan: Sebenarnya prosiding ditangguhkan ke esok hari dan bukan pada hari yang sama.

Soalan 86: Boleh Dato' memberitahu mahkamah mengapa Dato' menangguhkan prosiding selama 1 hari?

JOBNAME: No Job Name PAGE: 19 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

Jawapan:Ini dibuat untuk membolehkan saya menilai keterangan saksi-saksi serta menimbang hujah-hujah.

Soalan 98:Rujuk muka surat 17, Bundle B. Selepas prosiding bersambung semula pada 12.9.06 apa tindakan Dato' seterusnya?

Jawapan: Saya membuat keputusan saya dapati pengingkar salah atas pertuduhan pertama dan ke-4.

.....

Soalan 100:Rujuk muka surat 4, Bunde B. Apakah pertuduhan keempat?

Jawapan: Ingkar perintah kerana tidak melaporkan harta iaitu sebuah kereta bernombor PAG 163.

Soalan 101: Melapor harta ikut peraturan mana?

Jawapan: Ini adalah mengikut keperluan surat arahan Ketua Polis Negara No.Rujukan KPN (PR) 5 bertarikh 7.1.02.

Soalan 102: Boleh Dato' terangkan kepada mahkamah secara seluruhnya kewajipan untuk mengisytiharkan harta di bawah KPN?

Jawapan:Setiap kakitangan awam perlu mengisytiharkan harta mengikut peruntukan dalam perintah am pegawai awam kelakuan dan tatatertib Bab (D) 1980.

Soalan 103 Apakah tafsiran harta dalam pekeliling ini?

Jawapan: Semua harta termasuk kenderaan bermotor.

Soalan 104: Adakah harta isteri juga perlu diisytiharkan?

Jawapan:Kena.

Soalan 105: Apakah keterangan yang menunjukkan plaintif tidak isytiharkan harta?

Jawapan: Keterangan pengingkar sendiri. keterangan saksi. Soalan 105: Di dalam keterangan plaintif dalam mahkamah ini plaintif kata tidak perlu melaporkan kereta kepunyaan isteri selagi belum dapat kebenaran untuk menggunakan kereta isterinya. Apakah jawapan Dato'?

Jawapan: Itu tidak benar kerana Pekeliling Perkhidmatan No. 3/1984 mewajibkan pengisytiharan harta sebaik sahaja diperolehi.

Soalan 106: Rujuk Bundle A, ikatan pliding, muka surat 3, perenggan 7. Plaintif kata Dato' tidak mematuhi Perkara 135 (1) Perlembagaan Persekutuan semasa menjalankan acara kamar tatatertib. Apa jawapan Dato'?

Jawapan: Saya tidak bersetuju kerana saya telah memberi peluang yang seluasnya kepada pengingkar dan pegawai pembelanya untuk kemukakan hujah-hujah mereka.

Soalan 107: Rujuk muka surat 4, Bundle A. Perenggan 13. Plaintif kata hukuman buang kerja yang dikenakan ke atas beliau adalah "proportionally excessive". Apakah jawapan Dato'?

Jawapan: Saya tidak bersetuju kerana hukuman yang saya jatuh adalah munasabah dan setimpal dengan kesalahannya.

Soalan 108: Apakah sebenarnya bidang kuasa Dato' dalam menjatuhkan hukuman?

JOBNAME: No Job Name PAGE: 20 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

Jawapan: (Senyap).

Soalan 109: Apakah jenis hukuman-hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Dato'?

Jawapan: Yang paling rendah, celaan sehingga ke paling tinggi iaitu buang kerja.

Soalan 110: Adakah hukuman tertentu ini dijatuhkan untuk kesalahan ini atau Dato' ada pilihan yang luas?

Jawapan: Ini bergantung kepada fakta kes.

Soalan 111: Rujuk muka surat 4, Bundle A. Perenggan 16. Plaintif mendakwa Dato' telah ambil kira bukti-bukti yang tiada. Apa jawapan Dato'?

Jawapan: Itu tidak benar.

Soalan 112: Mengapa tidak benar?

Jawapan: Keputusan yang saya buat adalah berdasarkan keterangan dan hujah-hujah yang dikemukakan semasa presiding."

[54] Semasa disoal balas, SD1 tidak bersetuju dengan cadangan peguam plaintif yang bijaksana bahawa pengisytiharan kereta hanya dibuat selepas kebenaran diberikan berdasarkan keterangan saksi pendakwa. Apabila disoal mengapa tak setuju kerana itu adalah keterangan yang telah diberikan di hadapan beliau, SD1 menjawab 'tak setuju' dan selepas itu apabila dirujuk kepada keterangan sedemikian oleh saksi pendakwa kedua, PE2, SD1 menjawab 'Itu adalah pandangan saksi di ms 7' dan selepas itu apabila dicadangkan dalam soalan balas 15 bahawa 'Keterangan saksi ketiga juga ialah pengisytiharan perlu dibuat hanya selepas kelulusan diberi kerana beliau sendiri tidak pasti samada pengingkar perlu isytihar kereta kepunyaan isteri sebelum kelulusan diberi. Setuju atau tidak?'

[55] SD1 telah menjawab seperti berikut:

Tak setuju kerana di baris keempat saksi ini juga kata pengisytiharan perlu dibuat sebaik sahaja memperolehi harta.

[56] Semasa disoal semula, dalam soalan 2 di ms 101, nota-nota keterangan seperti berikut:

Adakah keputusan Dato' berpandukan keterangan saksi-saksi atau Dato' perlu mengikut undang-undang?

[57] SD1 menjawab seperti berikut:

Saya terikat kepada peruntukan undang-undang.

JOBNAME: No Job Name PAGE: 21 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

[58] Daripada keterangan SD1 yang dinyatakan di atas mahkamah berpuashati bahawa SD1 telah tersalah arah semasa membuat keputusan bahawa plaintif bersalah atas pertuduhan ke 4 iaitu ingkar perintah melaporkan kereta tersebut. Sebabnya ialah keputusan SD1 jelasnya bertentangan dengan keterangan saksi-saksi pendakwa yang dikemukakan dalam acara kamar tatatertib. SD1 telah mengakui beliau terikat oleh undang-undang ketika membuat keputusan itu.

[59] Oleh itu adalah sangat jelas daripada pengakuan SD1 sendiri bahawa keputusan SD1 itu adalah tidak rasional.

[60] Daripada keterangan yang diberikan oleh SD1 mahkamah membuat penemuan fakta-fakta seperti berikut:

(a) Pertama, adalah sangat jelas bahawa SD1 telah membuat keputusan sendiri berdasarkan keperluan surat arahan Ketua Polis Negara no rujukan KPN (PR) 5 bertarikh 7 Januari 1992 yang menyatakan setiap kakitangan awam perlu mengisytiharkan harta termasuk kenderaan bermotor dan harta isteri mengikut peruntukan dalam perintah am pegawai awam kelakuan dan tatatertib bab (D) 1980 dan juga Pekeliling Perkhidmatan No 3/1984 yang mewajibkan pengisytiharan harta sebaik sahaja diperolehi dan bukan berdasarkan kepada keterangan yang dikemukakan oleh saksi-saksi pendakwa dalam acara kamar tatatertib.

(b) Akan tetapi arahan KPN(PR)5 Jld 65 bertarikh 7 Januari 1992 tersebut dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 3/1984 tidak disebut atau dirujuk oleh saksi-saksi pendakwa semasa mereka memberi keterangan dalam acara kamar tatatertib terhadap plaintif. Tambahannya isi kandungan arahan KPN itu bercanggah dengan keterangan saksi-saksi pendakwa sendiri kerana tarikh yang terakhir untuk pengisytiharan harta yang disebut di dalamnya ialah sebelum 15 Februari 1992 sedangkan di dalam acara kamar tatatertib tidak ada tarikh sedemikian dinyatakan.

(c) Kedua-dua dokumen tersebut hanya berada dalam ikatan autoriti defendan-defendan dan merupakan keterangan dokumentari untuk menyokong pembelaan defendan-defendan dalam kes ini.

[61] Arahan KPN tersebut menyatakan seperti berikut:

- SALINAN -

URUSETIA KPN (TATATERTIB)

BUKIT AMAN

"BERDISIPLIN DI BAWAH PANJI PASUKAN"

No. Ruj.: KPN (PR) 5 Jld. (65)

JOBNAME: No Job Name PAGE: 22 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

Tarikh: 2 hb. Rejab 1412

7hb. Januari 1992

ARAHAN MELAPORKAN PEMILIKAN HARTA MENGIKUT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN. 1984

Adalah saya dengan segala hormatnya telah diarahkan untuk membawa perhatian Y.B.Dato'/Tuan mengenai perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa baru-baru ini pihak Urusetia KPN (Tatatertib) telah menerima sepucuk surat daripada Kementerian Dalam Negeri dalam siri KDN.S 03/640/11 (48) bertarikh 16/11/91 yang mengarahkan supaya dihantar senarai nama mereka-mereka yang masih belum mengisytiharkan pemilikan harta dan juga mengambil tindakan tatatertib ke atas Pegawai/Anggota dan Kakitangan Awam yang gagal mengemukakan borang-borang pengisytiharan harta mereka dalam tempoh satu bulan daripada tarikh surat tersebut dikeluarkan.

3. *Sehubungan dengan ini maka kerjasama pihak Y.B. Dato'/Tuan diperlukan bagi menentukan kesemua Pegawai/Anggota dan Kakitangan Awam di bawah jagaan Y.B. Dato'/Tuan yang masih belum mengisytiharkan harta mereka supaya segera mengisytiharkan harta mereka sebelum 15/2/92.*

4. Untuk memudahkan pihak Y.B. Dato'/Tuan mengenai pasti nama-nama mereka yang masih belum mengisytiharkan harta maka bersama-sama ini disertakan senarai nama mereka-mereka yang telah dan belum mengisytiharkan harta (Lampiran 'A').

5. *Bagi Pegawai/Anggota dan Kakitangan Awam yang gagal mengisytiharkan harta mereka pada tarikh yang ditetapkan maka tindakan tatatertib akan diambil ke atas mereka dan nama-nama mereka akan disenaraikan kepada Kementerian Dalam Negeri sebagaimana yang dikehendaki.*

6. Kerjasama yang diberikan oleh pihak Y.B. Dato'/Tuan dalam menjayakan arahan ini didahului dengan ribuan terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

t.t.

(MOHD YUSOF B MOHD SAID)

b.p. Pen. Ketua Urusetia KPN (Tatatertib)

b.p. Ketua Polis Negara POLIS DIRAJA MALAYSIA

s.k. SUPM - untuk makluman

Y.Bhg. Tan Sri KPN

Y.Bhg. Tan Sri T/KPN

Fail Per.

(Penekanan diberi.)

[62] Pekeliling Perkhidmatan Bil 3/1984 menyatakan, inter alia, seperti berikut:

JOBNAME: No Job Name PAGE: 23 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

PENGISYTIHARAN HARTA OLEH PEGAWAI-PEGAWAI DALAM SEMUA KUMPULAN (KECUALI KAKITANGAN DALAM KUMPULAN "D") YANG BERADA DALAM TINGKATAN TERTINGGI "E" DAN KE BAWAH DAN YANG TIDAK MEMEGANG JAWATAN KETUA JABATAN

1. Tujuan

1.1 *Perintah Am 8. Perintah-perintah Am Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Bab "D") 1980 menghendaki semua pegawai Awam mengisytiharkan harta mereka pada tarikh mereka dilantik ke dalam perkhidmatan awam dan apabila mereka memperolehi apa-apa harta tambahan dalam tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan.*

1.2 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bertujuan untuk menerangkan peraturan pengisytiharan harta oleh pegawai-pegawai Awam dalam semua kumpulan (kecuali kakitangan dalam Kumpulan "D") yang berada dalam tingkatan tertinggi "E" dan ke bawah termasuk mereka yang tidak memegang jawatan Ketua Jabatan.

2. Takrif harta dan pegawai

2.1 *Bagi maksud Pekeliling ini takrif "harta" dan "pegawai" adalah seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1984.*

3. Peraturan pengisytiharan harta

3.1 *Seseorang pegawai Awam hendaklah melaporkan kepada Pihak Berkuasa Tatatertib semua harta kepunyaannya melalui Ketua Jabatan dengan menggunakan Borang J PA. TT.1.*

(Penekanan diberi.)

[63] Kedua, SD1 tidak menyatakan apakah alasan bagi keputusan beliau bahawa plaintif bersalah di bawah pertuduhan keempat yang telah beliau beritahu kepada plaintif.

[64] Ketiga, berkenaan dengan hukuman buang kerja yang dijatuhkan ke atas plaintif berdasarkan keterangan SD1 sendiri mahkamah berpuashati bahawa hukuman itu adalah irrasional dan tidak seimbang berbanding dengan kesalahan yang dikatakan telah dilakukan oleh plaintif berdasarkan fakta dan keadaan dalam kes ini. Sebabnya ialah di bawah peraturan mengenai hukuman SD1 mempunyai pilihan yang luas yang bergantung kepada fakta dan keadaan kes untuk menjatuhkan hukuman ke atas plaintif. SD1 boleh memilih satu daripada sepuluh jenis hukuman iaitu daripada celaan yang paling ringan sehingga ke buang kerja yang paling berat. Akan tetapi SD1 telah memilih untuk menjatuhkan hukuman buang kerja ke atas plaintif. SD1 hanya menyatakan hukuman buang kerja yang beliau jatuhkan ke atas plaintif adalah munasabah dan setimpal dengan kesalahannya. SD1 tidak menyatakan secara terperinci apakah sebab-sebab mengapa beliau memilih untuk menjatuhkan hukuman buang kerja yang merupakan hukuman yang paling berat ke atas

JOBNAME: No Job Name PAGE: 24 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

plaintif untuk pertuduhan keempat. A

UNDANG-UNDANG

[65] Dalam kes Mahkamah Persekutuan *R Rama Chandran v The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 MLJ 145; [1997] 1 AMR 433 (*R Rama Chandran*) Mohd Eusoff bin Chin, KHN (Malaysia) yang membenarkan rayuan perayu terhadap keputusan Mahkamah Perindustrian telah menyatakan seperti berikut di ms 470: B

> By 'irrationality' I mean what can by now be succinctly referred to as 'Wednesbury unreasonableness' (see *Associated Provincial Picture Houses Ltd v Wednesbury Corporation* [1948] 1 KB 223). It applies to a decision which is so outrageous in its defiance of logic or of accepted moral standards that no sensible person who had applied his mind to the question to be decided could have arrived at it. Whether a decision falls within this category is a question that judges by their training and experience should be well equipped to answer, or else there would be something badly wrong with our judicial system. To justify the courts' exercise of this role, resort I think is today no longer needed to Viscount Radcliffe's ingenious explanation in *Edwards (Inspector of Taxes) v Bairstow* [1956] AC 14, of irrationality as a ground for a court's reversal of a decision by ascribing it to an inferred though undefinable mistake of law by the decision maker. 'Irrationality' by now can stand on its own feet as an accepted ground on which a decision may be attacked by judicial review. C D E

[66] Di dalam kes *Ekambaram a/l Savarimuthu v Ketua Polis Daerah Melaka Tengah & Ors* [1997] 2 MLJ 454 di mana fakta kes adalah berkaitan seorang polis yang telah dibuang kerja kerana melakukan kesalahan ingkar perintah disebabkan kegagalan untuk memperolehi kebenaran daripada ketua jabatannya sebelum membeli sebuah kereta baru pada 12 November 1993, Suriyadi J (ketika itu) mengikuti penghakiman Edgar Joseph Jr HMP di ms 187 dalam kes *R Rama Chandran* telah memutuskan seperti berikut: F G

> (Held) (3) The sentence handed down by the presiding officer was irrational and disproportionate to the offence. The only error committed by the applicant was his failure to obtain permission from his head of department for the usage of the car which was merely administrative in nature which certainly did not create untold damage or bring the name of the police force into disrepute. The applicant's offence certainly did not merit a dismissal. Therefore, the sentence went against all tenets of rationality and was a decision which was so outrageous in its defiance of logic or of accepted moral standards that no sensible person who had applied his mind to the question to be decided could have arrived at it. H I

[67] Di dalam kes di hadapan mahkamah ini juga perbuatan plaintif tidak mengisytiharkan kereta itu adalah tidak menyebabkan kerosakan atau menjatuhkan nama baik PDRM kerana ia lebih bersifat administratif selain

JOBNAME: No Job Name PAGE: 25 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

tindakan dia bukanlah dibuat secara sengaja kerana amalan di Balai Polis Bayan Lepas ialah kelulusan diberi dahulu baru anggota atau pegawai berkenaan dikehendaki mengisytihar harta berkenaan.

[68] Memandangkan peraturan polis itu sendiri mempunyai sembilan hukuman selain daripada hukuman buang kerja yang boleh dikenakan maka dari fakta dan keadaan dalam kes ini adalah tidak rasional untuk SD1 menjatuhkan hukuman buang kerja bagi suatu kesalahan yang lebih bersifat administratif sedangkan plaintif diberitahu tindakan tatatertib tidak akan dikenakan ke atasnya sekiranya permohonan untuk kelulusan dibuat walaupun lewat.

[69] Tambahannya tiada alasan diberikan oleh SD1 atas hukuman buang kerja itu sedangkan dalam kes ini alasan adalah perlu diberikan memandangkan saksi-saksi pendakwa sendiri banyak yang memberi keterangan yang kelulusan perlu diperolehi dahulu sebelum pengisytiharaan harta dibuat dan oleh itu SD1 perlu memberi alasan mengapa beliau berpendapat daripada sepuluh jenis hukuman yang berlainan yang boleh beliau menjatuhkan ke atas plaintif, plaintif seharusnya dikenakan hukuman yang terberat sekali iaitu buang kerja untuk pertuduhan keempat.

[70] Di dalam kes *Minister of Human Resources & Ors v National Union of Hotel Bar and Restaurant Workers, Semenanjung Malaysia and another appeal* [1997] 3 MLJ 377 di ms 378 mahkamah telah memutuskan seperti berikut:

> The absence of reasons for a decision where there was no duty to give them could not of itself provide any support of the suggested irrationality of the decision. The judge ought to have asked himself the question whether the DGTU's decision was unreasonable. Having done so, and if he had given an affirmative answer then and then only ought he to have proceeded to consider the materiality or relevance of the failure on the part of the DGTU to provide reasons. Since the judge did not adopt this approach his conclusions were fatally flawed by a misdirection on his part.

[71] Seperti dalam kes di hadapan mahkamah ini setelah saksi pendakwa sendiri memberi keterangan yang mengaitkan tuduhan ketiga dan keempat, SD1 adalah perlu memberi alasan mengapa beliau setelah melepaskan plaintif dari kesalahan ketiga telah mendapati plaintif bersalah terhadap kesalahan keempat kerana keterangan yang ada tidak menyokong keputusan-keputusan yang dibuat oleh SD1.

[72] Selain itu mahkamah mendapati bahawa SD1 telah bersikap secara mekanikal. Sebabnya ialah sebagai seorang pegawai pengadil dia sepatutnya

JOBNAME: No Job Name PAGE: 26 SESS: 1 OUTPUT: Thu May 12 14:30:36 2011
//caseml/case/mlj/2011_008_mlj_271

menumpukan fikiran kepada ekshibit-ekshibit yang ditandakan tetapi ekshibit-ekshibit pun salah ditandakan menunjukkan prosiding ini dijalankan tanpa memakai mindanya.

[73] Memandangkan perkara-perkara yang dinyatakan di atas maka mahkamah telah memutuskan bahawa pembuangan dan penamatan kerja plaintif daripada PDRM adalah tidak sah dari segi undang-undang dan tidak berkesan dan plaintif adalah masih seorang anggota lans koperal dan berhak ke atas kesemua gajinya dan segala faedah-faedah yang lain yang layak diterima oleh seorang anggota polis berpangkat lans koperal.

Tuntutan plaintif dibenarkan dengan kos.

Dilaporkan oleh Mashrifah Ravendran